



## MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

### PEMBERITAHUAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong bertaraf **BUMIPUTERA** yang mempunyai lesen **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan berdaftar dengan **Construction Industry Development Board (CIDB)** di bawah tajuk / kod bidang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

BIL	JENIS KERJA & BILANGAN TAWARAN	GREDE, KATEGORI, PENGKHUSUSAN	HARGA DOKUMEN
1.	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA PERMUKAAN JALAN DI KAWASAN JALAN SEJAMBAK, TAMAN BUKIT DAHLIA PASIR GUDANG <b>MPPG/T20/2016/BPK/JKEJ</b>	<b>CIDB</b> <b>G3</b> <b>CE</b> <b>CE 01</b>	RM300.00
2.	KERJA-KERJA "MILLING" DAN MENURAP SEMULA PERMUKAAN JALAN PERSIARAN SERI ALAM, BANDAR SERI ALAM PASIR GUDANG <b>MPPG/T21/2016/BPK/JKEJ</b>	<b>CIDB</b> <b>G4</b> <b>CE</b> <b>CE 01</b>	RM300.00
3.	KERJA-KERJA "MILLING" DAN MENURAP SEMULA PERMUKAAN JALAN RINTING, TAMAN RINTING, PASIR GUDANG <b>MPPG/T22/2016/BPK/JKEJ</b>	<b>CIDB</b> <b>G4</b> <b>CE</b> <b>CE 01</b>	RM300.00
4.	KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH LAMPU AWAM DI JALAN KELULI 10, 11 DAN 12, PASIR GUDANG <b>MPPG/T23/2016/BPK/JKEJ</b>	<b>CIDB</b> <b>G3</b> <b>E</b> <b>E 11</b>	RM300.00
5.	KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH LAMPU AWAM DI JALAN BANDAR DAN BESAR, PASIR GUDANG <b>MPPG/T24/2016/BPK/JKEJ</b>	<b>CIDB</b> <b>G3</b> <b>E</b> <b>E 11</b>	RM300.00

Dokumen tawaran boleh didapati mulai **22 JUN 2016 (RABU)** hingga **11 JULAI 2016 (ISNIN)** pada waktu pejabat di Kaunter Bayaran, Menara Aqabah, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang, Johor dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk Bank Draft atau Wang Pos atau Kiriman Wang dibuat atas nama **MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG**. Bayaran secara tunai juga akan diterima.

Dokumen tawaran hanya akan dikeluarkan kepada pemborong atau wakil yang sah sahaja. Wakil-wakil Pemborong hendaklah mempunyai surat kuasa yang sah. **Sijil asal (termasuk satu salinan)** Sijil Pendaftaran Syarikat, Sijil Pendaftaran Pemborong, Sijil Pengiktirafan Bumiputera dan slip pendaftaran GST adalah diperlukan semasa membeli dokumen tawaran. **Tempoh sah laku lesen hendaklah sekurang-kurangnya 3 bulan dari tarikh tutup tawaran.** Naskah Meja Tender akan dipamerkan di Bahagian Pengurusan Kontrak, Aras 10, Menara Aqabah, Pasir Gudang Johor pada waktu pejabat.

Dokumen yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul No. Tawaran dan jenis kerja berkaitan dan dikembalikan kepada:

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Pasir Gudang  
Aras 19, Menara Aqabah  
Jalan Bandar,  
81700 Pasir Gudang, Johor

Tarikh tutup tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada **13 JULAI 2016 (RABU)** dan dikehendaki memasukkan ke dalam peti tawaran di Bahagian Pengurusan Kontrak, Aras 10, Menara Aqabah, Pasir Gudang Johor. Pihak kami tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau sebarang tawaran.

Tarikh : 12/6/2016